

YANG TERBAIK

Goh Suzie

“Kenapa kau bersusah payah nak buat kerja tu? Rajin sangat bukannya dapat melintang! SSB tu bukannya Sayang-sayang Bos? Angkat sajalah Pengetua tu!”

“Tak guna kalau kau sahaja yang nak buat kerja, budak-budak bukannya tahu menghargai jasa kau tu!”

Naik fed-uplah, asyik-asyik kita juga yang kena buat.”

“Kalau kamu yang cadangkan, kamulah yang buat!”

“Jangan suruh saya datang petang atau hari Sabtu; itu waktu untuk keluarga dan rehat tau!”

Ungkapan-ungkapan tersebut mungkin sesuatu yang pernah terlintas dalam fikiran kita atau yang pernah kita dengar dalam ‘dunia pendidikan’ dan sering menjadi keluhan warga pendidik. Sememangnya bukan senang menjadi seorang pendidik dalam zaman yang betul-betul mencabar ini. Kalau mengikutkan hati dan ada pilihan, mungkin ramai yang akan menggulung tikar dan melangkah keluar daripada dunia pendidikan.

Kehidupan kita akan menjadi ‘sengsara’ apabila banyak ketidakpuasan berlaku dalam kehidupan kita. Jikalau kita tidak ikhlas dan tidak melakukannya dengan hati yang rela, saya percaya bahawa kehidupan kita akan sentiasa dibayangi syakwasangka dan keperitan. Sememangnya menjadi guru pada zaman ini amat mencabar. Kita bukan sahaja perlu mengajar di dalam kelas, menyemak buku latihan (yang bertimbun dan bersambungan sepanjang semester) dan

kertas peperiksaan, menjaga hal ehwal pelajar, urusan perkeranian dan serba-serbi di sekolah selagi kita bergelar guru serta tidak lupa urusan rasmi di luar sekolah.

Pernah juga aku mendengar keluhan rakan-rakan seperjuangan yang meluahkan perasaan geram dan kecewa mereka dalam bidang pendidikan. Tidak puas hati dengan sikap para pelajar yang semakin hari semakin liar dan biadab, tidak tahu menghargai nasihat guru dan tidak mahu langsung berusaha merupakan aspek yang sering diperkatakan. Guru bersusah payah mencari jalan untuk membantu mereka dalam peperiksaan, mencari pelbagai strategi agar pelajar-pelajar dapat menimba ilmu dan mempunyai masa depan yang cerah tetapi balasan mereka adalah tindak-tanduk yang melukakan hati dan mengecewakan. Kadang-kadang memang terasa seolah-olah segala usaha adalah bagaikan mencurahkan air di atas daun keladi, sia-sia sahaja. Selain itu, tidak kurang juga dengan sikap pihak pentadbir yang kurang prihatin terhadap kebajikan guru, tidak dihargai dan kurang sokongan dalam menangani masalah pelajar dan sekolah.



Sejak aku mengenali Tuhan Yesus, aku belajar untuk mengenali kehendak-Nya dalam hidupku dan bukan keinginanku, menerima hakikat walaupun kadang-kadang amat sukar dilaksanakan. Aku percaya bahawa Tuhan tidak menempatkan kita di sesuatu tempat secara kebetulan. Dia menempatkan kita dengan perancangannya yang teliti dan ada matlamat-Nya yang tersendiri. Firman Tuhan ada menyatakan “Sebab aku ini mengetahui rancangan-rancangan apa yang ada padaku mengenai kamu,

demikianlah firman Tuhan, iaitu rancangan damai sejahtera dan bukan rancangan kecelakaan, untuk memberikan kepadamu hari depan yang penuh harapan” (Yeremia 29 : 11).

Sesungguhnya bergelut dengan takdir Tuhan hanya menyusahkan diri sendiri. Bagaikan layang-layang, jika kita membiarkan sahaja Tuhan yang mengendalikan tali kita, jika kita tidak bergelut untuk dilepaskan, layang-layang akan terbang dengan tinggi dan menikmati keindahan di puncaknya. Kalau kita turut tarik dan bergelut dengan-Nya, kita sahaja yang menderita dan terlepas peluang untuk menikmati keindahan yang telah disediakan.

Dalam menjalani kehidupan kita sebagai seorang pendidik yang mengenali Tuhan, apakah yang boleh kita lakukan di sekolah kita ditempatkan, jawatan yang dipegang, kelas-kelas yang kita ajar dan tanggungjawab-tanggungjawab lain? Kita tidak akan memperoleh damai hati dan kegembiraan selagi kita terus dan hanya tahu merungut, melepaskan geram terhadap pelajar atau anak-anak dan pergi ke sekolah dengan hati yang berat. Sebaliknya, sesuatu perlu dijalankan. Kewajipan kita yang telah diamanahkan oleh Tuhan tidak akan tercapai jika kita terus tenggelam dengan perasaan tidak puas hati kita.


Secara kebetulan (atau mungkin ditakdirkan!!) aku terselak dalam buku nyanyian puji-pujian yang bertajuk ‘Our Best’. Seni kata lagu ini amat bermakna dan boleh mendorong kita untuk terus lakukan sesuatu demi keagungan nama Tuhan Yesus.

YANG TERBAIK (OUR BEST)

Dengarlah panggilan Tuhan (Hear ye the Master's call)
Berilah Aku yang terbaik daripadamu (Give Me thy best)
Tidak kira besar atau kecil (For be it great or small)
Itulah percubaan-Nya (That is His test)
Buatlah terbaik yang mungkin (Do the best you can)
Bukan untuk pujian manusia (Not for the praise of man)
Tetapi buat Tuhan (But for the Lord)

Korus (Chorus):
Setiap kerja untuk Yesus akan diberkati (Every work for Jesus will be blest)
Tetapi Dia meminta yang terbaik daripada kita (But He asks from everyone His best)
Bakat kita mungkin tidak seberapa (Our talents may be few)
Mungkin tidak sehebat mana (These may be small)
Tetapi serah kepada-Nya yang terbaik (But unto Him is due our best)

Jangan mengharap pujian manusia (Wait not for men to laud)
Jangan lakukan demi kepentingan mereka (Heed not their slight)
Tawanlah senyuman Tuhan (Winning the smile of God)
Serlahkan kegembiraannya (Brings its delight)
Bantulah yang baik dan benar (Aiding the good and true)
Tidak akan tiada berkatmay dalam apa-apa jua yang kita fikirkan atau lakukan
(Never goes unblest all that we think or do)
Asalkan yang terbaik (Be it the best)



Malam kian mencapai ruangnya (Night soon comes on a pace)

Hari berlalu pergi (Day hastens by)

Setiap pekerja dan hasilnya pasti berhadapan dengan percubaan dari atas

(Workman and work must face testing on high)

Moga-moga kita akan mencapai hari kelepasan (Oh may we in that day find rest)

Kelepasan manis yang telah dijanji Tuhan (Sweet rest which God has promised)

Kepada orang-orang yang melakukan yang terbaik (Those who do their best)

Untuk membuat yang terbaik bukan sesuatu yang mudah dan bukannya juga yang tidak mungkin. Tuhan tidak pernah mengharapkan yang lebih daripada kita. Dia cuma mengharapkan secebis daripada apa yang kita mampu dan ada. Tuhan tidak akan menguji lebih daripada kemampuan kita! Jika diteliti, kita sebenarnya tidak perlu membuat lebih daripada apa yang kita harus lakukan tetapi cukup dengan melakukannya dengan sungguh hati tugas atau tanggungjawab yang patut kita buat secara tulus ikhlas tanpa mengharapkan pujian atau ganjaran daripada apa-apa yang kita lakukan daripada mana-mana pihak. Tuhan lebih Maha mengetahui dan Dia lebih Pengasih. Janji-janji Tuhan tidak akan tinggal janji. Dia akan memberkati setiap kebaikan yang kita huluskan. Ini dapat kita lihat dalam firman-Nya iaitu “Tetapi kami ini, kuatkanlah hatimu, jangan lemah semangatmu kerana ada upah bagi usahamu” (2 Tawarikh 15 : 7) dan “Sebab Tuhan bukan tidak adil sehingga Ia lupa akan pekerjaanmu dan kasihmu yang kamu tunjukkan kepada orang-orang kudus, yang kamu lakukan sampai sekarang.” (Ibrani 6 : 10)

“Selidiklah aku, ya Tuhan, dan kenallah hatiku, ujilah aku dan kenallah fikiran-fikiranmu ; lihatlah, apakah jalanku serong, dan tuntunlah aku di jalan yang kekal!” (Mazmur 139 : 23-24)

Sesungguhnya inilah doaku agar Tuhan yang akan memimpin kita dalam segala keadaan dalam dunia pendidikan kita. Sesungguhnya aku memohon oh Tuhanku, selidiklah hati kami agar berada dalam kebenaran, ajarilah kami untuk melakukan yang terbaik walaupun kadang-kadang kejijian yang diterima, ajarilah kami untuk menghulur dengan ikhlas daripada hanya menerima dan ajarilah kami untuk bersujud di hadapan-Mu dalam apa-apa juga yang mendatang dan pada setiap masa. Berikanlah ketabahan-Mu, salurkanlah kebijaksanaan-Mu dan semailah kasih-Mu yang melimpah-limpah dalam hamba-Mu yang serba kekurangan. Yang terutama, berikan kami hati untuk melakukan yang terbaik buat-Mu. Amen.

q